

Sayangi sungai

Pelbagai usaha perlu pupuk kesedaran

SERENDAH – Antara masalah utama yang melanda kebanyakan negara membangun adalah berkaitan usaha memelihara dan mengekalkan kebersihan sungai.

Timbalan Pengarah Pembangunan, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri Selangor, Ir Nor Hisham Mohd Ghazali berkata, pelbagai usaha perlu dilaksanakan dalam memastikan sungai berkeadaan bersih dan terpelihara daripada sebarang pencemaran.

“Kebanyakan negara membangun berdepan dengan masalah sungai kerana apabila maju ramai yang lupa terhadap kepentingan penjagaan sungai sehingga berlaku banyak pencemaran.

“Ini berkait rapat dengan masalah kebersihan serta sikap tidak peduli masyarakat mengenai penjagaan sungai.

“Kebanyakan tempat dulunya begini tapi segalanya berubah disebabkan sikap manusia.

“Inilah cabaran kami di JPS untuk memastikan kebersihan sungai kekal terpelihara,” katanya ketika berucap merasmikan Kempen Cintailah Sungai Kita peringkat JPS Daerah Hulu Selangor di sini semalam.

Hadir sama, Pegawai Yang Menjaga, JPS daerah, Abdul Rahman Harun serta Penghulu Mukim Serendah, Jamali Latif.

Kempen sehari itu memilih lokasi riadah Telaga Tujuh di sini yang menjadi antara lokasi yang bakal ditingkatkan menjadi destinasi pelancongan menarik di daerah ini.

Nor Hisham berkata, dahulunya sungai menjadi an-



■ Nor Hisham melepaskan anak ikan ke sungai di Telaga Tujuh sebagai simbolik perasmian kempen berkenaan.

tara sumber utama ekonomi masyarakat dunia, malah sehingga kini sungai masih menjadi pilihan sesetengah penduduk negara ini untuk memperoleh hasil pendapatan

Beliau bagaimanapun kesusah terhadap sikap sesetengah rakyat negara ini yang alpa mengenai aspek penjagaan sungai.

Menurutnya, berdasarkan kajian, setiap hari lebih daripada 20 tan sampah dibuang dan mengalir di dalam sungai.

Katanya, jumlah itu amat membimbangkan dan dikhuatiri bertambah jika tiada kesedaran menyekat dan memulihara.

“Saya mengajak semua masyarakat supaya mengingati semula kepentingan sungai kerana ia amat bernilai dan perlu dipelihara.

“Saya yakin rakyat di Hulu Selangor mampu memelihara sungai kerana menyedari ia sebagai sebuah tarikan pelancong dan sumber ekonomi,” katanya

Menurut beliau, kempen tersebut sebagai salah satu usaha mengekalkan warisan sedia ada yang terdapat di pesisir sungai selain meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan sungai.

Menurutnya, sungai akan sentiasa menyumbang rezeki kepada manusia selagi adanya usaha menjaganya.